

WILAYAH PERSEKUTUAN
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan,
Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara,
50676 Kuala Lumpur.
Tel: 03-22733788 Faks: 03-22734308.

SELANGOR
Mahkamah Syariah Negeri Selangor, Tingkat 5 & 6,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Persiaran Pegawai, Seksyen 5,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel: 03-55191309 Faks: 03-55191317.

NEGERI SEMBILAN
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan,
Jalan Dato' Hamzah,
70000 Seremban, Negeri Sembilan
Tel: 06-7631241 Faks: 06-7645426.

MELAKA
Mahkamah Syariah Negeri Melaka.
Lot 2434, Blok D, Kompleks Mahkamah Melaka,
Lebuh Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya,
75450 Melaka.
Tel: 06-2332061 Faks: 06-2313913

PULAU PINANG
Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang
No. 3, Jalan Batu Gantung,
10450 Pulau Pinang.
Tel: 04-8271875 Faks: 04-8296427

PERLIS
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis
Persiaran Jubli Emas,
Jalan Pegawai,
01000 Kangar Perlis
Tel: 04-9774846 Faks: 04-9775107

PERAK
Jabatan Kehakiman Syariah Perak
Aras 3, Kompleks Mahkamah Syariah Perak
Jalan Pari Off Jalan Tun Razak
30000 Ipoh Perak
Tel: 05-5018400 Faks: 05-5018522

KELANTAN
Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan,
Kompleks Islam Lundang,
15200 Lundang, Kota Bahru, Kelantan
Tel: 09-7480206 Faks: 09-7430476

TERENGGANU
Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu
Jalan Sultan Mohamad,
21100 Kuala Terengganu
Tel: 09-6232323 Faks 09-6241510

JOHOR
Jabatan Kehakiman Syariah Johor,
Bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor,
Lot 259, Jalan Abu Bakar,
80100 Johor Bahru, Johor.
Tel: 07-2199000 Faks: 07-2213133

PAHANG
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang,
Jalan Masjid, 25000 Kuantan, Pahang
Tel: 09-5177966 Faks: 09-5554805

KEDAH
Jabatan Kehakiman Syariah Kedah
Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
06550 Bandar Muazam Shah, Kedah
Tel: 04-7001980 Faks: 04-7001989

SARAWAK
Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak
Bangunan Mahkamah Syariah,
Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak.
Tel: 082-429810 Fax: 082-244576

SABAH
Jabatan Kehakiman Syariah Sabah
Tingkat 2, Blok B, Wisma MUIS,
Beg berkunci No. 130,
88739 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088-253579 Faks: 088-219066

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2, 3 & 4, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62677 Putrajaya
Tel: 03-88864800 Fax: 03-88891627
www.jksm.gov.my



Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia



HAK SUAMI ISTERI MEMBUAT TUNTUTAN DALAM TEMPOH PERKAHWINAN



HAK SUAMI ISTERI MEMBUAT TUNTUTAN DALAM TEMPOH PERKAHWINAN

Di antara yang boleh dituntut oleh isteri dalam tempoh perkahwinannya ialah:

1. Nafkah
2. Hak jagaan anak
3. Nafkah anak
4. Tunggakan nafkah
5. Hak tempat tinggal
6. Hak cagaran nafkah
7. Nafkah sementara
8. Perintah tegahan

1. Nafkah Diri

Mengikut Hukum Syara', seseorang isteri yang taat berhak mendapat nafkah daripada suaminya, undang-undang keluarga islam pula telah memperuntukan bahawa Mahkamah memerintah seseorang lelaki sama ada suami atau lelaki lain yang tertentu seperti anaknya yang berkemampuan (jika suami tak upaya dari segi mental dan fizikal memperuntukan nafkah saraan keluarganya) membayar nafkah seorang isteri.

2. Hak Jagaan Anak

Mengikut Hukum Syara', ibu adalah orang yang paling berhak menjaga anak kecil masa perkahwinan dan juga selepas perkahwinan dibubarkan kecuali jika ia berkahwin dengan lelaki lain yang bukan mahram kepada anak itu, berakhlak buruk secara keterlaluan dan terbuka, murtad, cuai atau menganiaya kanak-kanak itu dan berpindah dengan mencegah bapa kanak-kanak itu menjalankan pengawasan yang perlu (melainkan berpindah ke tempat lahir perempuan tersebut)

3. Nafkah Anak

Mengikut Hukum Syara', bapa adalah wajib menanggung nafkah anak-anaknya yang masih di bawah tanggungannya dan yang tidak berkemampuan. Mahkamah boleh memerintah seseorang bapa membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya jika ia telah enggan atau cuai memperuntukan anak-anaknya, meninggalkan langsung isteri dan anak-anaknya itu dalam jagaan isterinya serta dalam masa menanti sesuatu prosiding hal ehwal suami isteri.

4. Tunggakan Nafkah

Tunggakan nafkah ialah nafkah yang tidak ditunaikan oleh suami kepada isterinya dalam tempoh perkahwinan dan menjadi hutang ke atas suaminya dan wajib dibayar. Tunggakan ini boleh dituntut di mana-mana Mahkamah Syariah.

5. Tunggakan Nafkah Anak

Tunggakan nafkah anak boleh dipohon kepada Mahkamah apabila suami atau bekas suami telah gagal melaksanakan satu perintah nafkah anak yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Tunggakan tersebut boleh dipohon dari tarikh kegagalan membayar perintah nafkah anak tersebut.

6. Hak Tempat Tinggal

Suami adalah berkewajipan menyediakan tempat tinggal yang sesuai dan munasabah untuk isterinya sama ada secara menyewa atau miliknya sendiri, isteri boleh membuat tuntutan di Mahkamah Syariah sekiranya suami tidak menyediakan keperluan tersebut dan tidak menjadi nusyuz sekiranya isteri enggan mengikut suami.

7. Hak Cagaran Nafkah

Isteri yang berhak mendapat nafkah daripada suaminya, boleh memohon kepada Mahkamah Syariah untuk memerintah ke atas suaminya supaya memberi cagaran dengan meletakkan apa-apa harta oleh mahkamah bagi tujuan pembayaran nafkah atau sebahagian darinya bagi menjamin bayaran nafkah itu dapat dilaksanakan dengan teratur dan dijelaskan pada masa yang telah ditetapkan.

8. Nafkah Sementara

Isteri atau wakilnya, berhak memohon kepada mahkamah satu perintah sementara nafkah bagi dirinya, semasa prosiding mahkamah sedang berjalan, sehingga satu keputusan Mahkamah Syariah muktamad dikeluarkan.

9. Perintah Tegahan

i. Mana-mana pihak boleh memohon kepada mahkamah satu perintah tegahan atau larangan kepada seseorang untuk menahan dirinya dari mengganggu, mencerca, memaki hamun, mencero boh, memukul, mendera atau menganiaya ke atas suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isterinya.

ii. Mana-mana pihak boleh memohon kepada mahkamah atau satu perintah tegahan atau larangan menahan transaksi harta yang akan mengurangkan keupayaan mana-mana pihak melaksanakan perintah-perintah nafkah isteri, nafkah anak, harta sepencarian atau mut'ah.



Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2, 3 & 4, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62677 Putrajaya
Tel: 03-88864800 Fax: 03-88891627